

Dihasilkan oleh sekumpulan saintis UiTM

Muhyiddin lancar Genom Melayu

Oleh HELMI MOHD. FOAD
pengarang@utusan.com.my

KUALA SELANGOR 27 Dis. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini melancarkan pemetaan Genom Melayu yang berjaya dihasilkan oleh sekumpulan saintis Universiti Teknologi Mara (UiTM) sekali gus meletakkan negara ini setanding dengan negara-negara maju dalam bidang bioteknologi.

Penghasilan genom tersebut akan membolehkan negara ini menghasilkan ubat-ubatan yang bersesuaian dengan penduduk tempatan selain Asia Tenggara dengan anggaran ia mampu membuka kepada pasaran 200 juta penduduk melibatkan Indonesia, Selatan Thailand dan Filipina.

Muhyiddin yang melahirkan rasa bangga dengan pencapaian itu berkata, kejayaan tersebut merupakan antara hasil sokongan kerajaan kepada usaha-usaha memperkuat sektor termaju bioinformatik dan pembiayaan projek-projek genom seperti Projek 25 Genom Malaysia, Genom Manusia Kerdil dan Genom Kelapa Sawit.

"Program-program ini menjadi penanda aras keupayaan saintis Malaysia di persada sains dan teknologi antarabangsa dan penglibatan UiTM merupakan suatu yang harus dibanggakan.

"Malah pada hari ini jujukan dan pemetaan genom individu digelar Genom Melayu telah berjaya dilaksanakan oleh para saintis UiTM.

"Pendedahan genom tersebut selari dengan usaha negara-negara maju di Asia dan Eropah yang sedang giat menjana maklumat me-



MUHYIDDIN Yassin mendengar penerangan daripada Prof. Dr. Mohd Zaki Salleh (dua kanan) mengenai mesin pencucukan 'DNA' 'Genome Analyzer' ketika melawat makmal Pusat Promise Fakulti Farmasi UiTM, Puncak Alam, Selangor, semalam. Turut hadir Prof. Ir Dr. Sahol Hamid Abu Bakar (tiga kanan). - BERNAMA

ngenai genom rakyat mereka sendiri agar dapat digunakan untuk membangunkan strategi kesihatan yang paling sesuai untuk penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan jaringan kerjasama rakan kongsi Bionexus (BNP) kedua dan penyempurnaan pemetaan Ge-

nom Melayu di kampus UiTM Puncak Alam di sini hari ini.

Hadir sama Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Ir Dr. Sahol Hamid Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal.

UiTM melalui Pusat Farmakogenomik (Promise) telah melakukan

pemetaan terhadap Genom Melayu dari Julai hingga Disember tahun lalu dengan kos sebanyak RM150,000.

Projek penyelidikan tersebut diketuai oleh Ketua Promise, Prof. Dr. Mohd. Zaki Salleh.

Pada majlis sama, Timbalan Perdana Menteri turut menyaksikan

majlis pertukaran perjanjian (MOA), antara UiTM dan SNAA Medic yang bertujuan mengkomersialkan dua ujian farmogenetik yang dibangunkan oleh Promise.

Muhyiddin berkata, pencapaian sains yang canggih telah membuktikan bahawa risiko seseorang mendapat sesuatu penyakit dan kese-

esuaian ubat diberikan mempunyai kaitan dengan latar belakang genom seseorang.

"Pendekatan yang dikenali sebagai *personalised medicine* adalah antara kemajuan sains dan teknologi yang sedang dibangunkan di negara-negara maju," katanya.

Dalam hal ini beliau berharap syarikat-syarikat bioteknologi terutama syarikat kecil dan sederhana akan mengambil inisiatif bagi menggunakan sepenuhnya perkhidmatan, peralatan dan kemudahan yang terdapat di bawah BNP.

"Industri bioteknologi di Malaysia sememangnya berkembang pesat selaras dengan aliran global dan dijangka akan terus mencatatkan peningkatan dari segi jumlah syarikat bioteknologi, penjana hasil, pelaburan serta membuka peluang pekerjaan kepada tenaga kerja mahir," katanya.

Katanya, melalui BiotechCorp yang ditubuhkan pada 2005 sebagai strategi kerajaan membangunkan sektor bioteknologi negara, sebanyak 207 syarikat bertaraf Bionexus telah dibangunkan dengan jumlah pelaburan yang diluluskan mencecah RM2 bilion.

"Walaupun sektor ini masih dalam fasa membangun, adalah agak memberangsangkan bahawa lebih daripada 50 peratus syarikat tersebut adalah terdiri daripada syarikat kecil sederhana yang menunjukkan kemampuan berkembang pesat dengan suasana ekonomi baru negara.

"Saya dimaklumkan tiga peratus daripada syarikat Bionexus sudah disenaraikan dalam bursa-bursa di Malaysia, Australia dan Eropah," katanya.